



Headline	Mencorak modal insan unggul, dinamik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	W26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	575 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,093



# Mencorak modal insan unggul, dinamik



**P**ROGRAM penganjuran pelajaran MARA memberi manfaat kepada golongan Bumiputera yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Keberkesanan daripada pelaksanaan program penganjuran pelajaran ini bukan sahaja dinikmati oleh pelajar daripada golongan berpendapatan ren-

dah dan sederhana malah turut dinikmati usahawan dalam bidang pendidikan yang memiliki kolej swasta.

Sehingga kini MARA menaja pelajar-pelajar di 22 buah Institusi Pendidikan MARA (IPMa), 163 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan sembilan buah firma perakaunan. Secara tidak langsung, MARA memainkan peranan dalam membantu membangunkan usahawan Bumiputera di dalam industri pendidikan selaras dengan matlamat mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Program ini juga meningkatkan tahap pendidikan pelajar-pelajar Bumiputera berikutan kadar yuran pengajian yang tinggi di IPTS dan lokasinya banyak tertumpu di bandar-bandar utama. Tajaan juga diberi kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan MARA iaitu di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), German-Malaysian Institute (GMI) dan Kolej Poly-Tech MARA di mana kemudahan seperti tenaga pengajar, pembelajaran dan yuran pengajian adalah setanding malah lebih baik daripada kemudahan yang terdapat di kolej-kolej swasta lain.



Penajaan pelajaran ini dilaksanakan atas keprihatinan kerajaan untuk memajukan rakyat yang datangnya dari golongan berpendapatan rendah untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi selari dengan keperluan Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara

**DATUK SERI MOHD. SHAFIE APDAL**  
Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah